Kosmo 18/4/09 m/s 15

# 24 pelajar China mendaftar di UMT

TUNTUT ILMU. Seramai 24 pelajar dari China mendaftar mengikuti pengajian di Fakulti Pengurusan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) baru-baru ini.

Kesemua mereka merupakan kumpulan pertama pelajar dari negara itu dan mereka akan mengikuti kelas meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris selama empat bulan terlebih dahulu.

Majlis pendaftaran dan sesi ramah mesra melibatkan 18 pelajar lelaki dan enam perempuan itu turut dihadiri oleh Naib Canselor UMT, Prof. Dr. Aziz Deraman.

Ketika ditemui, Aziz berharap mereka dapat mempelajari budaya masyarakat Terengganu.

**Komuniti Kita!**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita!* kini boleh diakses di laman web *www.kosmo.com.my.*



**AZIZ (lima dari kiri) bergambar dengan pelajar dari China yang memulakan pengajian di Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu baru-baru ini.**